



Anwar bersama Sheikh Mohammed Zayed (dua dari kanan) menyaksikan majlis menandatangani MY-UAE CEPA antara Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Negara Bagi Perdagangan Luar UAE, Dr Thani Ahmed Al-Zeyoudi. (Foto ihsan MITI)

MY-UAE CEPA buka banyak peluang kerjasama ekonomi

Perjanjian perdagangan perkukuh pelaburan antara Malaysia dengan negara Teluk

Daripada Najmuddin Najib
bhnews@bh.com.my
di Abu Dhabi,
Emiriah Arab
Bersatu (UAE)



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-UAE (MY-UAE CEPA) yang ditandatangani di antara Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) akan menjadi pemangkin untuk memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan bukan sahaja antara kedua-dua negara tetapi juga dengan negara Teluk yang lain.

Beliau berkata MY-UAE CEPA adalah perjanjian perdagangan bebas (FTA) pertama Malaysia dengan negara dari Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

"Saya mengalu-alukan pemetaraan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Menyeluruh Malaysia-UAE.

"Sebagai FTA pertama Malaysia dengan negara dari GCC, perjanjian ini dijangka menjadi pemangkin untuk hubungan perdagangan dan pelaburan yang le-

bih kukuh bukan sahaja antara Malaysia dan UAE, tetapi juga negara Teluk yang lain.

"MY-UAE CEPA akan membuka lebih banyak peluang kerjasama ekonomi yang lebih mendalam, termasuk pengurangan atau pemansuhan tarif dan meningkatkan akses pasaran, yang akan merangsang eksport dan menghasilkan peluang pelaburan baharu untuk sektor utama," katanya.

Anwar dan Presiden UAE, Sheikh Mohammed bin Zayed Al-Nahyan semalam menyaksikan majlis menandatangani MY-UAE CEPA sempena Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW) 2025 di Pusat Pameran Nasional Abu Dhabi (ADNEC), di sini.

Perdana Menteri turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Sheikh Mohammed sebelum bersama beberapa pemimpin dunia lain menghadiri majlis perasmian ADSW 2025 yang disempurnakan oleh Sheikh Mohammed.

MY-UAE CEPA merangkumi bidang seperti perdagangan barang dan perkhidmatan, kemudahan pelaburan, perdagangan digital, perusahaan mikro dan kecil sederhana (PMKS) dan kerjasama ekonomi.

Pada tahun 2023, UAE menjadi rakan dagangan kedua terbesar Malaysia di rantau Asia Barat, dengan perdagangan dua hala meningkat sebanyak 5.4 peratus kepada AS\$8.67 bilion (RM39.63 bilion) berbanding tahun 2022.

Eksport utama Malaysia ke UAE termasuk produk elektrik dan elektronik, barang kemas, mi-

nyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit, produk yang diproses dari minyak sawit dan makanan diproses.

Import utama, pula, terdiri daripada petroleum mentah, produk petroleum, barang kemas, pembuatan logam, dan produk kimia.

Pada ADSW 2025, Perdana Menteri menghadiri Forum dan Hab Youth 4 Sustainability (Y4S), di mana beliau mengetuai perbincangan membabitkan golongan pemimpin muda, pembuat dasar dan pengengaruh global berkaitan menangani cabaran kelestarian.

Pada sesi plenari ADSW 2025, Anwar juga menyertai dialog bertajuk ASEAN's Interconnected Future: Linking Energy, Trade & Prosperity'.

Antara pemimpin dunia yang hadir di ADSW 2025 termasuk Presiden Azerbaijan, Ilham Aliyev; Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni; Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokayev; Presiden Kenya, William Ruto; Presiden Nigeria, Bola Ahmed Tinubu; Presiden Rwanda, Paul Kagame; Presiden Seychelles, Wavel Ramkalawan dan Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon.

Perdana Menteri, pada majlis lain turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Uganda, Yoweri Museveni.

Pada Isnin, Anwar mengadakan mesyuarat perniagaan dengan pemimpin dari syarikat dan dana kekayaan terbesar UAE, termasuk Abu Dhabi Investment Authority (ADIA), Mubadala Investment Company dan gergasi tenaga Masdar pada ADSW 2025.